

Kembara Malam Puisi Riong buka tirai pertama di Sintok



**“Bukan senang menghasilkan sesuatu karya kerana ia dibangunkan daripada bahasa yang indah dan bersifat magnetik dengan makna untuk direnung pembaca dan pendengar. Pemilihan kata pula terkawal sehingga menulis rangkap bermakna, tidak semudah disangkakan”**  
Khadijah Hashim  
Novelis



DATARAN Perdana UUM akan berubah wajah malam ini sempena Malam Puisi Riong.

Oleh Nazmi Yaakub  
nazmi@karam.com.my

MALAM Puisi Riong akan memulakan kembara puisis pertamanya pada tahun ini pada detik jam 8 malam ini, di Daratan Perdana, Universiti Utara Malaysia (UUM), Sintok, sekali gus memberi isyarat awal kepada misi penjenjahnannya ke beberapa destinasi sepanjang tahun ini. Acara apresiasi puisi dan lagu puisi itu menjadi lebih bererti apabila ia mengorak langkah di institusi peragajian tinggi awam (IPTA) kerana beberapa tahun belakangan ini, acara sedemikian seolah-olah kontang di menara gading, meskipun pernah ber nafas sebulam ini. Kali terakhir IPTA di seluruh negara dilanda wabak

puisif' sekitar 2001 hingga 2004 dengan program Kembara Puisi IPT yang digerakkan Unit Sastera, Berita Harian Sdn Bhd (BHSD) dengan sokongan IPT (tempat dan diperkuli Majlis Kebudayaan Universiti universiti Malaysia (Makum).  
Selama program Baca Puisi IPT di Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Skudai, pada Ogos 2004 yang memulakan lebih 1,000 pelajar dalam bidang teknologi, hanya Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (Aswara) dengan Malam Puisi Warisan manakala Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dengan Puisi Ramadan, berterusan.  
Penyair dan pengat teater tersebut tanah air, Che Shamsuddin Othman atau lebih dikenali sebagai Dinsman yang akan beraksi pada Malam



Puisi Riong di UUM mengukui kurangnya insentif untuk menghidupkan apresiasi puisi di universiti.  
“Nampaknya acara apresiasi puisi lebih bergantung kepada orang atau kelompok yang wujud pada satu-satu masa di universiti. Ketika saya dan rakan yang cergas dalam Kesuma di Universiti Malaysia (UM) dekad 1970-an dulu, kebetulan ada orang yang ‘gila-gila

dan minat kepada sastera,” katanya kepada Sastera ketika dihubungi, baru-baru ini. Bagi Penorina Amugrah Penulisan Sea 198, Khadijah Hashim pula, penciptaan puisi tidaklah asing daripada dunia akademik kerana karya dia dihasilkan oleh orang yang bijak dan berfikir cergas.  
“Bukan senang menghasilkan sesuatu karya kerana ia dibangunkan daripada bahasa yang indah dan bersifat magnetik dengan makna untuk direnung pembaca dan pendengar. Pemilihan kata pula terkawal sehingga menulis rangkap bermakna, tidak semudah disangkakan,” katanya yang bakal mendeklamasikan puisi yang dipetik daripada kumpulan puisinya, *One Dimensi Khadijah Hashim*.  
Khadijah menghargakan Malam Puisi Riong dimulakan

oleh warga UUM kerana karya puisi memperkayakan rasi kemamusiaan, menimbulkan sifat peduli kepada manusia dan mesenankan jiwa terutama dalam melalui dunia yang sibuk kini.  
“Kita ada dua cara mendapatkan ketenangan jiwa, iaitu melalui agama dan karya seni termasuklah puisi, muzik dan lukisan, sekali gus memperkayakan kemamusiaan dalam diri. Kita sewajarnya belajar dari negara maju yang sebelum ini terlalu mengajar kemajuan.  
“Dalam mengejar kemajuan yang ketertaluan, mereka hari ini terpaksa menyahurnya dengan harga mahal sehingga perlu mendidik manusia penguasaan dengan unsur kemamusiaan dan sifat ambil peduli terhadap manusia lain dan alam sekitar,” katanya.



Kurator Yayasan Keseni-Perak (YKFP), Nur Hanim Mohamed Khairuddin pula, menghargakan Malam Puisi Riong membuka mata mereka yang berada dalam pelbagai profesion terhadap kepentingan puisi apabila majlis itu membahaskan seiman pelbagai bidang.  
“Ini satu usaha yang sihat dan bermanfaat kepada masyarakat apabila kita dapat lihat seni, sastera dan persembahan digabungkan di atas satu pentas, manakala figura dengan pelbagai kebolehan seperti Khadijah ditampilkan kepada pelajar,” katanya yang bakal membacakan puisi berunsur alam, *Legasi Sang Prong* karya Amirul Fakir.  
Selain Dinsman, Khadijah dan Nur Hanim, Malam Puisi Riong itu turut memajukan penyair negeri Jelapang Padli, Puzi Hadi dan pelakon Putri Marlina Zainal Abidin, manakala Ahmad Ramli dan Hattan serta peserta Akademi Nasyid mesim pertama. Ciek bakal menderangkan lagu puisi.  
Malam Puisi Riong juga bakal menyaksikan tokoh akademik UUM turut mendeklamasikan puisi, apabila Nab Casadeo UUM, Tan Sri Dr Nordin Karti di samping Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Datuk Ahmad Faiz Hamid, beraksi di pentas puisi.



**“Nampaknya acara apresiasi puisi lebih bergantung kepada orang atau kelompok yang wujud pada satu-satu masa di universiti. Ketika saya dan rakan yang cergas dalam Kesuma di Universiti Malaysia (UM) dekad 1970-an dulu, kebetulan ada orang yang ‘gila-gila dan minat kepada sastera”**  
Dinsman  
Penyair



**“Ini satu usaha yang sihat dan bermanfaat kepada masyarakat apabila kita dapat lihat seni, sastera dan persembahan digabungkan di atas satu pentas, manakala figura dengan pelbagai kebolehan seperti Khadijah ditampilkan kepada pelajar”**  
Nur Hanim Mohamed Khairuddin  
Kurator